

Bil. S 48

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN) (BIL. 2), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan) (Bil. 2), 2002.

Pemasukan bab-bab 79B dan 79C baru ke dalam Penggal 68.

2. Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68) adalah dipinda dengan memasukkan dua bab baru yang berikut sejurus selepas bab 79A —

" Kuasa untuk memindahkan struktur dari jalan raya.

79B. (1) Jika sebarang struktur telah dibina atau didirikan di atau di atas mana-mana jalan raya atau mana-mana jalan simpanan melainkan dengan kebenaran sebarang undang-undang bertulis, Ketua Pengarah Kerja Raya boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki orang yang mengawal atau memiliki struktur itu untuk memindahkannya dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu atau dalam suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.

(2) Jika sebarang struktur yang berkaitan dengannya suatu notis telah disampaikan di bawah bab ini tidak dipindahkan, Ketua Pengarah Kerja Raya boleh memindahkan struktur itu:

Dengan syarat bahawa kuasa Ketua Pengarah Kerja Raya di bawah ceraiian ini tidaklah boleh dijalankan sehingga tamat tempoh satu bulan selepas tarikh notis itu disampaikan.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraiian-ceraiian (1) dan (2), jika kemungkinannya terdapat bahaya langsung kepada lalulintas yang berpunca dari sebarang struktur, Ketua Pengarah Kerja Raya boleh mengambil

tindakan sebagaimana yang perlu untuk memindahkan struktur tersebut tanpa memberi notis kepada mana-mana orang.

(4) Jika sebarang struktur telah dipindahkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya di bawah bab ini, dan perbelanjaan pemindahan dan penyimpanan struktur itu belum dibayar dalam masa satu minggu selepas tarikh pemindahan tersebut, Ketua Pengarah Kerja Raya boleh, setelah memberi notis satu bulan secara bertulis kepada orang yang mengawal atau memiliki struktur itu sejurus sebelum pemindahan tersebut, menjual dengan lelongan awam atau pun selainnya melupuskan struktur tersebut; dan sebarang hasil dari penjualan atau pelupusan itu hendaklah digunakan untuk membayar perbelanjaan pemindahan dan penyimpanan tersebut dan sebarang lebihannya hendaklah dibayar kepada orang yang mengawal atau memiliki struktur itu sejurus sebelum pemindahan tersebut atau hendaklah, jika tidak dituntut oleh orang itu dalam masa 3 bulan selepas tarikh penjualan atau pelupusan itu, dirampas menjadi hak Kerajaan.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (4) boleh melarang —

(a) pelupusan, sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, apa-apa makanan atau barang-barang lain yang cepat rosak yang dipindahkan bersama dengan struktur itu, dan sebarang hasil dari pelupusan tersebut hendaklah digunakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam cerai itu; dan

(b) keseluruhan atau sebahagian perbelanjaan pemindahan dan penyimpanan tersebut dari didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil daripada orang yang mengawal atau memiliki struktur itu sejurus sebelum pemindahan tersebut.

(6) Notis di bawah cerai (1) boleh disampaikan sama ada sendiri, melalui pos atau dengan melekatkannya pada struktur yang disebut dalam notis itu.

(7) Dalam bab ini, "struktur" termasuk sebarang mesin, pam, tiang dan apa-apa benda lain yang boleh mendatangkan gangguan atau membahayakan lalulintas.

Pembinaan jalan masuk dan saliran dan pemasangan pemasangan kemudahan awam.

79C. (1) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) membina mana-mana jalan masuk (termasuk laluan, jalan masuk rumah atau jalan masuk lain, sama ada awam atau persendirian) untuk menghubungkan mana-mana jalan;

(b) membina saliran untuk menghubungkan saliran yang dibina di tepi jalan; atau

(c) menjalankan sebarang jenis kerja di, ke atas, di atas atau di bawah mana-mana jalan,

melainkan jika pelan yang mengandungi butir-butir susun aturnya telah dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, yang boleh menolak permohonan itu atau membenarkannya atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(2) Jika pada pendapat Ketua Pengarah Kerja Raya terdapat —

(a) kemungkinan bahaya kepada lalulintas;

(b) sebarang pembanjiran, gangguan atau halangan; atau

(c) kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah cerai (1),

semasa menjalankan, atau berpunca dari sebarang kerja yang disebut dalam cerai (1), Ketua Pengarah Kerja Raya boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki orang yang telah diberikan kebenaran itu atau penghuni premis atau tanah itu, untuk mengambil tindakan sebagaimana yang mungkin perlu untuk mengelakkan bahaya, gangguan atau halangan tersebut, untuk menutup sebarang saliran atau untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, sekiranya gagal berbuat demikian Ketua Pengarah Kerja Raya boleh mengambil tindakan sebagaimana yang perlu untuk mengelakkan bahaya banjir, gangguan atau halangan atau untuk memastikan syarat-syarat yang dikenakan itu dipatuhi.

(3) Tertakluk kepada cerai (6), Ketua Pengarah Kerja Raya boleh, dengan notis dalam *Warta Kerajaan*, menghendaki penutupan atau lencongan atau perubahan dibuat pada mana-mana jalan masuk (sama ada dibina sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan) (Bil. 2), 2002.

(4) Jika sebarang tindakan telah diambil oleh Ketua Pengarah Kerja Raya di bawah cerai (2) atau (3), perbelanjaan yang dilakukan dan diperakui secara bertulis oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dalam mengambil tindakan tersebut adalah suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang yang telah diberikan kebenaran itu atau oleh penghuni premis atau tanah itu.

(5) Jika sebarang kerja di bawah cerai (1) telah dilaksanakan dan didapati bahawa kerja-kerja itu dilaksanakan bagi maksud menghubungkan

terus mana-mana kemudahan awam dengan mana-mana premis atau bagi menghubungkan saliran dengan saliran yang dibina di tepi jalan bagi maksud sistem saliran tanah di mana saliran yang mula-mula disebutkan dibina, penghuni premis atau tanah itu hendaklah dianggap sebagai orang yang menjalankan kerja-kerja itu bagi maksud bab ini.

(6) Jika akibat dari suatu notis yang diwartakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya di bawah cerai (3) jalan masuk yang sedia ada pada masa notis itu diwartakan akan ditutup sama sekali dan tidak ada jalan masuk yang lain, Ketua Pengarah Kerja Raya hendaklah, sebelum jalan masuk itu ditutup, menyediakan jalan masuk yang lain:

Dengan syarat bahawa jika jalan masuk yang lain tidak dapat disediakan atau tidak dapat disediakan tanpa menanggung jumlah perbelanjaan yang tidak munasabah, tanah yang terjejas itu hendaklah diambil menurut peruntukan-peruntukan Akta Pengambilan Tanah (Penggali 4) dan pengambilan tersebut hendaklah bagi maksud-maksud Akta itu, dianggap sebagai bagi maksud awam.

(7) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) atau yang gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah cerai itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali:

Dengan syarat bahawa sebarang hukuman yang dikenakan di bawah cerai ini tidaklah boleh menjejaskan sebarang liabiliti sivil orang yang telah diberikan kebenaran itu atau penghuni premis atau tanah tersebut.

(8) Ketua Pengarah Kerja Raya boleh memberi arahan untuk mengawalselia dan mengawal pelaksanaan atau pembinaan sebarang kerja yang disebut dalam cerai (1)."

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 18 haribulan Julai, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM